

Kesan Beriman dengan Sifat Ar-Raqib

Menjadikan seorang hamba yang sentiasa berwaspada dalam semua keadaan zahir dan batin

Mendorong seseorang berusaha melakukan perintah-Nya dan menjauhi larangan-Nya kerana merasakan Allah SWT sentiasa mengawasinya

Mendorong seseorang tekun beribadah kepada Allah SWT seakan-akan ia melihat-Nya, menjaga batasan syariat dan mengikuti sunah Rasulullah SAW

Mendorong seseorang sentiasa istiqamah dalam perbaiki diri ke arah yang lebih baik kerana percaya Allah sentiasa memerhati setiap perbuatannya

Sentiasa bermuhasabah diri kerana percaya dirinya sentiasa diawasi (raqib) dan dihadiri (atid) oleh malaikat yang mencatat segala amalan